

SEKOLAH MENENGAH AGAMA

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2016

SEJARAH
TINGKATAN 1

MASA : 1 JAM 30 MINIT

NAMA : _____

KELAS : _____

1. Kesultanan Melayu Melaka telah berkembang maju dan mencapai zaman kegemilangan di bawah kuasa pemerintah yang berkaliber. Walau bagaimanapun, Kesultanan Melayu Melaka telah mengalami kemerosotan semasa pemerintahan Sultan Mahmud Shah akibat pelbagai faktor.

(a) Huraikan faktor kemerosotan Melaka.

Faktor 1 : Kelemahan kepemimpinan

Faktor 2 : Kelemahan askar Melaka

[3 markah]

Tandakan (√) bagi pernyataan yang benar.

(b) Tujuan Portugis menjelajah dan meneroka kawasan di Asia Tenggara adalah untuk

Menguasai perdagangan rempah	
Memasarkan barangan keluaran Portugis	

(c) Keadaan politik Melaka yang tidak stabil berpunca daripada

Campur tangan politik dari luar	
Amalan pilih kasih pemimpinnya	

(d) Antara berikut apakah tuntutan yang telah dikemukakan oleh Alfonso de Albuquerque yang ditolak oleh Sultan Melaka?

Meminta ganti rugi	
Membebaskan tawanan Portugis	
Mendapat hak monopoli perdagangan rempah	
Membenarkan Portugis membina kubu pertahanan	

[5 markah]

(e) Apakah pengajaran atau iktibar daripada peristiwa kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511?


[1 markah]

2 (i) *Gariskan pernyataan yang tepat.*

- (a) Setelah kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka, putera Sultan Mahmud Shah yang digelar (Sultan Ahmad Shah / Sultan Alauddin Riayat Shah II) dilantik sebagai Raja Ujong Tanah atau sultan (Johor / Perak).
- (b) Usaha Johor menguasai (Pahang / Melaka) tidak pernah berhenti.
- (c) Tokoh yang paling berpengaruh di Johor iaitu (Bendahara Tun Habib Abdul Majid / Laksamana Tun Abdul Jamil) bersama Tun Sri Lanang berjaya mengusir Portugis keluar daripada Melaka dengan bantuan (Belanda / Inggeris).
- (d) Akhirnya (Johor / Belanda / Inggeris) dapat menduduki kerajaan Melaka.

[6 markah]

2 (ii) Johor, Aceh dan Portugis telah bersaing antara satu sama lain bagi menguasai jalan perdagangan di Selat Melaka. Peperangan ini dikenali sebagai Perang Tiga Segi berlaku selama seratus tahun. Perincian Perang Tiga Segi dari segi faktor terjadinya peperangan ini.



(a) _____

(b) _____

(c) _____

[4 markah]

2 (iii) Mengapakah pedagang Islam tidak berminat untuk berdagang di Melaka selepas Melaka ditawan oleh Portugis?

[1 markah]

2 (iv) Bagaimanakah Johor berjaya mengekalkan kedaulatannya daripada dikuasai oleh Jambi?

[1 markah]

Soalan 3 dan 4(i) : Isi tempat kosong berdasarkan perkataan-perkataan dalam jadual di bawah.

tergugat	Raja Kechil	Hikayat Hang Tuah
kebebasan	Sejarah Melayu	kuasa
Tun Abdul Jamil	Bugis	Syarikat Hindia Timur Belanda

3. Kegemilangan kerajaan Johor bukan sahaja dalam bidang politik dan ekonomi, malah dalam bidang persuratan. Johor dikenali sebagai pusat persuratan Melayu sejak abad ke-17. Tun Sri Lanang berjaya menyusun (a) _____ pada tahun 1612 sebagai sumber sejarah kerajaan Melayu. Pada abad ke-17, (b) _____ dihasilkan iaitu mengisahkan kepahlawanan orang Melayu yang ditonjolkan melalui watak Hang Tuah dan empat orang rakannya.

[2 markah]

4. Kegemilangan kerajaan Johor mulai merosot apabila berlakunya persengketaan di kalangan pembesar dan sultan.

4 (i) Isikan jadual dengan pernyataan yang benar.

Punca Kemerostan	Penerangan
Perang Johor-Jambi	(a) Jambi mula menyaingi Johor dalam aktiviti perdagangan dan berusaha mendapatkan _____ daripada menjadi jajahan takluk Johor. Peperangan ini menjejaskan perdagangan Johor.
(b) Perebutan _____	(c) Laksamana _____ berebut pengaruh dan kuasa dengan Bendahara Tun Habib Abdul Majid kerana beliau telah mengambil alih kuasa bendahara.
Perebutan Takhta	(d) _____ dari Siak mengakui dirinya adalah anak kepada Sultan Mahmud Shah II dan berjaya merampas kedudukan Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV dengan bantuan orang Minangkabau.
(e) Penglibatan _____ di Johor	(f) Orang Melayu Johor dan orang Bugis mula bersaing merebut kedudukan apabila pembesar Melayu merasakan kuasa mereka semakin _____.
(g) Pengaruh _____ _____ _____	Syarikat Hindia Timur Belanda (V.O.C) yang bertapak di Betawi dan Melaka berjaya menguasai Riau, jawatan Yamtuan Muda dan sultan dihapuskan.

[7 markah]

4(ii) Menjelang awal abad ke-19, Johor menjadi lemah dan berpecah. Apakah yang dapat kamu simpulkan daripada peristiwa kemerosotan Johor?

(a) _____

(b) _____

[2 markah]

5 (i) Kerajaan negeri-negeri Melayu terbahagi kepada dua kategori. Penuhi tempat kosong yang berikut.

(a) _____



Contoh negeri:
Perak
(c)
(d)



Ciri-ciri: Wujud sebelum kemunculan zaman Kesultanan Melayu Melaka

(b) _____




Contoh negeri:
Kelantan
(e)
(f)
(g)



(h) Ciri-ciri:

[8 markah]

5 (ii) Labelkan negeri-negeri berikut.



[10 markah]

Kertas soalan tamat.

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

.....

.....

.....